

21 JUN 1998

ZAHID CUBA ELAK WARTAWAN

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Ahmad Zahid Hamidi yang menerima teguran hebat berikutan isu nepotisme dan kronisme yang ditimbulkan pada Persidangan Agung UMNO cuba mengelak daripada wartawan sebaik sahaja perhimpunan itu berakhir hari ini.

Beberapa orang wartawan media cetak dan elektronik menunggu dengan sabar kemunculan Zahid di pintu keluar berhampiran Dewan Merdeka, tetapi setelah sekian lama Zahid masih tidak muncul.

Namun apabila terlihat kereta beliau bergerak ke arah belakang Dewan Merdeka, para wartawan meluru ke arah itu dan Zahid kelihatan sedang berjalan dengan beberapa orang anggota Exco Pemuda.

Apabila diserbu wartawan, Zahid hanya mampu tersenyum dan enggan mengulas ucapan Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika menutup perhimpunan yang banyak membidas tindakan beliau (Zahid) kerana menimbulkan isu nepotisme dan kronisme itu.

"Terima kasih kerana lama menunggu saya.. no news.. semuanya okay," katanya sambil menuju ke arah kereta yang sedang menunggu.

-- BERNAMA

AKT oba